

**SEJARAH MIGRASI DAN PETEMPATAN MASYARAKAT  
BIDAYUH DARI TAHUN 1400-1840**  
**HISTORY OF MIGRATION AND SETTLEMENT OF THE  
BIDAYUH COMMUNITY FROM 1400-1840**

NUR AUNI BINTI UGONG

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia*  
*Corresponding author: unauni@unimas.my*

*Tarikh dihantar: 10 Oktober 2023 | Tarikh diterima: 10 November 2023 | Tarikh terbit: 31 Disember 2023*  
*DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v29i.2516>*

**ABSTRAK** Jika dibandingkan dengan masyarakat lain di Sarawak, masyarakat Bidayuh adalah yang keempat terbesar mendiami Sarawak setelah Iban, Cina dan Melayu. Dahulunya masyarakat Bidayuh dikenali sebagai *Land Dayak* atau *Hill Dayak*. Objektif artikel ini adalah meninjau proses migrasi dan perkembangan penempatan masyarakat Bidayuh di antara tempoh tahun 1400 hingga 1840. Data kajian ini terdiri daripada data primer dan data sekunder, yang mana analisis dilakukan dengan menggunakan aplikasi ATLAS.ti dengan merujuk kepada kata kunci yang telah ditetapkan. Dapatkan kajian membuktikan bahawa kegiatan migrasi masyarakat Bidayuh yang berlaku daripada tahun 1400-1840 ternyata menjurus ke bahagian pedalaman khususnya ke bahagian hulu atau ke kawasan pergunungan. Migrasi ini berlaku disebabkan beberapa faktor seperti ancaman lanun dan kaum lain yang lebih kuat, penindasan, mengelakkan daripada diperhambakan dan keganasan yang dilakukan terhadap masyarakat tersebut. Masyarakat Bidayuh diandaikan berasal dari Kalimantan Indonesia dan bermigrasi ke Bahagian Kuching dan Bahagian Samarahan. Setelah bermigrasi lebih kurang 600 tahun lalu, kawasan penempatan masyarakat Bidayuh semakin berkembang sehingga ke Bahagian Miri, Sibu dan Bintulu.

**Kata kunci:** Masyarakat Bidayuh, migrasi, penempatan.

**ABSTRACT** When compared to other communities in Sarawak, the Bidayuh community is the fourth largest inhabiting Sarawak after the Iban, Chinese and Malays. In the past, the Bidayuh community was known as *Land Dayak* or *Hill Dayak*. The objective of this paper is to survey the migration process and settlement development of the Bidayuh community between the years 1400 to 1840. The data of this study consists of primary data and secondary data, which analysis is carried out using the ATLAS.ti application with reference

*to the keywords that have been set . The findings of the study proved that the migration activities of the Bidayuh community that took place from 1400-1840 turned out to be directed to the interior, especially to the upstream or to the mountainous areas. This migration occurred due to several factors such as the threat of pirates and other stronger races, oppression, avoiding enslavement and violence against the community. The Bidayuh community is assumed to originate from Kalimantan Indonesia and migrated to Kuching Division and Samarahan Division. After migrating approximately 600 years ago, the Bidayuh community's settlement area is expanding to Miri, Sibu and Bintulu Divisions.*

**Keywords:** Bidayuh community, migration, settlement.

## PENGENALAN

Migrasi merupakan perpindahan penduduk asal secara suka rela penduduk daripada penempatan asal mereka ke penempatan yang baharu. Penghijrahan ini ada kalanya melibatkan jumlah populasi yang ramai dengan melakukan penyeberangan suatu sempadan dan daerah pentadbiran (Hadi, 1989). Tipologi migrasi secara amnya meliputi aspek interaksi, faktor penentu, jarak, aspek sementara dan jenis migrasi. Justeru, empat jenis interaksi yang dikenal pasti ialah interaksi antara manusia dengan alam semula jadi, manusia dengan negara, manusia dengan manusia serta manusia dengan projek pembangunan (Dj, 1993). Walau bagaimanapun, pada peringkat awal migrasi yang berlaku terhadap masyarakat Bidayuh secara amnya dikenal pasti bukanlah disebabkan oleh interaksi manusia dengan pembangunan sebaliknya interaksi antara manusia dengan manusia dan juga manusia dengan alam sekeliling.

*Land Dayak* atau *Hill Dayak*, tetapi kini dikenali sebagai masyarakat Bidayuh adalah diantara kelompok etnik terawal mendiami Sarawak selain masyarakat Iban, Kayan, Kenyah dan Melanau. Sejak tahun 1955, majoriti daripada pemimpin Bidayuh menggunakan istilah Bidayuh yang sinonim dengan kelompok masyarakat tanah tinggi, pedalaman atau ulu daripada menggunakan istilah *Land Dayak*. Penggunaan istilah *Land Dayak* timbul kerana terdapat percubaan penulis Barat untuk membezakan masyarakat Bidayuh dengan masyarakat Iban yang mereka kenali dengan *Sea Dayak*.

Penggunaan istilah ini dipengaruhi oleh penempatan kedua masyarakat tersebut, namun selaras dengan perkembangan semasa dan juga perspektif berkaitan masyarakat peribumi yang semakin mendalam maka ianya tidak lagi digunakan dengan lebih meluas.

Lee (1970), Grijpstra (1976), Low (1996), Brooke (1990) dan Beccari (1986) umpamanya mengandaikan masyarakat Bidayuh berasal daripada Kalimantan, Indonesia. Bukti artifak dijumpai di Banjarmassin di Dutch Borneo dan di Bukit Berhala, Samarahan seperti barang pemujaan, kepala gajah dikenali Ganesa dan stone bull (Nandi) yang tersimpan di Muzium Sarawak menunjukkan pengaruh Pallava daripada Madras awal abad ke-6 atau ke-7 dalam kalangan masyarakat Bidayuh dahulunya (Banks, 1940). Amalan pembakaran mayat masih diingati dalam kalangan Singgai, Slakau dan Lara. Tradisi, nama nenek moyang seperti Pati dan Radin, nama dewa iaitu Petara, pantang untuk makan daging rusa dan bentuk tarian menunjukkan bahawa mereka menerima pengaruh daripada Jawa dan Pallava (Minos, 2000).

Sementara itu, andaian yang mengatakan masyarakat Bidayuh datang daripada Kalimantan, Indonesia antaranya dipengaruhi oleh mitos yang popular dalam kalangan masyarakat Bidayuh yang menyatakan kewujudan mereka adalah berasal daripada satu semangat iaitu Tenabi. Tenabi menetap di kaki Gunung Suit dan Baru, berkahwin dengan Kitupong. Walau bagaimanapun, perkahwinan tersebut berakhir apabila Kitupong meninggal semasa melahirkan anak pertama mereka. Tenabi kemudiannya menikahi anak yang lahir daripada pergelangan kakinya. Perkahwinan tersebut memperoleh tiga orang anak iaitu Padat, Tirauh dan Timunyau. Apabila berlaku persengketaan di antara Padat dan Tirauh, keduanya telah berpisah, Padat berhijrah ke Sikangan sementara Tirauh ke Sikarang (Hewit, 1961).

Justeru, menjelaki migrasi dan penempatan awal masyarakat Bidayuh amat penting bagi menganalisis pola kependudukan kaum tersebut. Tambahan kepada itu, penempatan awal yang telah lenyap juga memerlukan penelitian awal bagi menjelaki kembali sejarah penempatan mereka. Hal ini secara tidak langsung akan dapat memberi informasi kepada generasi kini berkaitan asal-usul masyarakat peribumi Sarawak yang sememangnya cenderung untuk diperdebatkan dari semasa ke semasa.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini disempurnakan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan mengadakan temu bual berstruktur secara bersemuka dengan beberapa orang responden daripada Persatuan Bidayuh Sarawak. Temu bual ini adalah bagi menyokong dapatan daripada sumber primer yang diperoleh daripada sumber dokumen yang diperoleh di Arkib Negeri Sarawak dan jabatan atau agensi tertentu yang terlibat secara langsung dengan masyarakat Bidayuh. Kajian kualitatif bertujuan untuk memahami dan menjelaskan tingkah laku, persepsi, motivasi, dan lain-lain secara keseluruhan berkaitan dengan kegiatan migrasi yang dilakukan oleh masyarakat Bidayuh pada peringkat awal. Hasil daripada temu bual dianalisis dengan menggunakan aplikasi ATLAS.ti yang merekodkan beberapa kata kunci yang telah disenaraikan.

Artikel ini juga ditulis berdasarkan sumber sekunder dari tulisan-tulisan awal yang dibuat oleh penyelidik-penyalidik tempatan dan juga sarjana-sarjana dari luar Sarawak. Gabungan daripada penyelidik luar dan tempatan berkaitan isu ini amat penting bagi kerana ia memberikan perspektif yang berbeza. Penulisan dalam kalangan pengkaji Barat yang bersifat *eurocentric* perlu diseimbangkan dengan penulisan daripada pengkaji tempat yang bersifat lokal.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Migrasi Dan Penempatan Masyarakat Bidayuh

Kegiatan migrasi masyarakat Bidayuh diandaikan berlaku apabila Padat dan Tirauh merintis penghijrahan dari Sungkung, Kalimantan ke barat daya Borneo. Setelah beberapa lama kawasan pergunungan semakin kering manakala penduduk di Sungkung semakin bertambah dan ini menyebabkan mereka merebak ke kawasan berhampirannya. Sungkung juga dikenali dengan nama Pasid Binua. Migrasi ini dilakukan dengan mudah kerana pada masa tersebut, tidak ada persempadan yang nyata diantara Borneo dengan Kalimantan. Dengan ketidaan sempadan itu, dapat diandaikan bahawa masyarakat Bidayuh tinggal di Sarawak sebelum kewujudan pemerintahan Belanda di Kalimantan dan pemerintahan Kesultanan Brunei atau kekuasaan

Brooke di Sarawak. Hujah ini diperkuatkan lagi dengan kewujudan hubungan kekeluargaan dalam kalangan mereka khususnya yang tinggal di kawasan sempadan seperti Tebedu dan Mongkos di Daerah Serian, Serikin dan Kampung Stass di Daerah Bau dengan Babang Indonesia dan di Biawak di Daerah Lundu.

Semasa perjalanan kumpulan ini telah singgah di Rabak Mikabuh, Gunung Penrissen sekitar 373 S.M dan menetap lebih daripada 20 generasi sebelum meletupnya gunung berapi Krakatau pada 27 Ogos 1883. Mereka menggelarkan diri sebagai Dayak Puruh dengan dialek “*Pimiyu Puruh*”. Kelompok ini tinggal di Rabak Mikabuh selama beratus tahun, sehingga kedatangan kelompok kedua daripada Sungkung untuk menetap bersama-sama mereka (Nais, 1989). Semasa penghijrahan ke Rabak Mikabuh, mereka telah singgah di beberapa buah tempat iaitu Penrissen, Tigauh, Perok, Sekap Denda, Papang Sambu, Ateng Misandung, Pedawan, Tg. Kutud, Tg. Abang dan Tg. Semadang. Kumpulan ini diandaikan tinggal selama seminggu atau sebulan di sebuah tempat bagi melakukan aktiviti pemburuan dan menangkap ikan. Perpindahan masyarakat daripada Rabak Mikabuh secara semula jadinya di tinggalkan buat selamanya. Perpindahan ini diketuai oleh ketua kumpulan ke tapak yang seterusnya dalam sejarah migrasi masyarakat Bidayuh.

Daripada Rabak Mikabuh penghijrahan terus berlaku diketuai oleh ketua kumpulan masing-masing. Misalnya Tirauh dan kumpulannya telah berpindah ke Simaru dan menggelarkan diri mereka sebagai Dayak Benah. Kelompok ini diandaikan tidak berpindah ke tempat lain, melainkan ke bahagian Ulu Simuru (Aman, 1989). Keadaan ini juga telah menyebabkan pembukaan beberapa tempatan baharu di kawasan tersebut.

Dayak Bisadung, diketuai oleh Padat yang mana menurut sumber lisan beliau mempunyai dua orang isteri iaitu Tunduni dan Ramui pula telah berpindah ke Labak Rutoi atau dikenali juga dengan nama Tembawang Rutoi yang terletak di Sinangkan Guyan. Penempatan ini terletak di Sungai Ruben berhampiran Kampung Krusen, yang mana Padat dikatakan meninggal di Kujang iaitu di bahagian hulu Ruben (Robert, 1949). Penulisan awal berkaitan Dayak Bisadung menyatakan bahawa Semabang, Taup, Temong dan Bukar adalah bangsa Bidayuh Sadong yang kemudiannya menggelarkan diri mereka

sebagai Bisadung (Stall, 1940). Menurut masyarakat Bisadung mereka bermigrasi daripada Dutch Borneo semenjak generasi ke 18-20 (Elam, 1937). Melalui perkiraan yang dilakukan, bermula daripada kedatangan ke Borneo, seramai 60 generasi telah menetap di Borneo. Grijpstra (1976) menyifatkan kawasan Sadong sebagai penempatan terawal atau “ibu” kepada penempatan yang lain masyarakat Bidayuh (Winzeler, 1993).

Bari mengetuai pengikutnya berpindah ke Paya Pais berdekatan Pangkalan Entabang sebelum menetap di Bung Jagoi, dikenali dengan nama Dayak Bijagoi. Sebelum berpindah ke Gunung Jagoi sekitar 1838, Dayak Bijagoi menetap di Bung Bratak. Walaubagaimanapun, bagi mengelakkan diri daripada serangan Iban Skrang daripada Sri Aman mereka telah berpindah ke Bung Jagoi. Bidayuh Jagoi juga diandaikan pernah menetap di kaki Gunung Santubung. Akan tetapi disebabkan tidak dapat mempertahankan diri daripada serangan lanun yang datang daripada kawasan perairan, mereka melarikan diri ke Singgai. Semasa serangan ramai dalam kalangan mereka terbunuh, malah ketua mereka juga turut terbunuh, sementara harta benda mereka turut dirampas. Di Singgai, mereka telah membina penempatan sehingga ke satu tempoh sebelum diserang oleh Bidayuh Singgai, Lara, Sibuyau, Selakau, Iban dan Melayu (Sandin, 1978). Serangan dilakukan pada waktu malam, menyebabkan Bidayuh Jagoi ketakutan untuk pergi bekerja tanpa sebarang pertahanan sehingga memaksa mereka berpindah ke Tembawang Sau yang terletak berdekatan dengan Singgai. Bidayuh Jagoi tinggal dengan aman dalam beberapa tahun sehinggalah mereka diserang oleh Dayak Sau yang tingal berdekatan. Keadaan ini menyebabkan mereka berpindah ke Jagoi, dan menggelarkan diri sebagai Bidayuh Jagoi. Pada ketika ini, Rajah Brooke telah mula memerintah Sarawak (Kaboy, 1968).

Sementara kumpulan keempat diketuai oleh Kobang Koma berpindah ke Gumbang, atau dikenali juga dengan nama Gunung Api, menggelarkan diri mereka sebagai Dayak Gumbang. Menurut penduduk, Kampung Gumbang telah wujud sebelum pemberontakan masyarakat Cina pada tahun 1857. Kewujudan pokok durian serta pokok-pokok lain yang kelihatan tua menyokong andaian ini. Laporan Low dalam tahun 1840an menyatakan terdapat dua buah kampung yang dihuni oleh Dayak Gumbang, terletak di

Gunung Tringgus dan Gunung Api. Setiap satunya mencatatkan sebanyak 60 buah keluarga telah menetap (Low, 1948).

Situtun dan Sititi berpindah ke Bung Muwan, yang kini dikenali dengan nama Kupo Pininyaw. Setelah beberapa abad, kumpulan ini berhijrah ke Kupo Sirumah, Kupo Kandis, Kupo Peninyaw Baru, Kupo Kandis Baru, Kupo Kopit, Kupo Podam, Kupo Segubang, Kupo Sogo, Kupo Serupak, Kupo Sikio, Kupo Sikiyat, Kupo Merambeh, Kupo Sungei dan Kupo Sega (Aman, 1989).

Minangai bersama kumpulannya berhijrah ke Bung Piradom dan kemudiannya dikenali sebagai Bung Singai. Penempatan ini terletak di Gunung Singai. Tidak lama kemudian satu kumpulan lain diketuai oleh Tagung Megian ingin bersama-sama menetap di Bung Singai namun dihalang oleh Tagung Minangai. Walau bagaimanapun, hasrat mereka dihalang dan ini menyebabkan pertempuran berlaku yang menyebabkan Tagung Megian terbunuh. Bagi mengelakkan lebih banyak pertumpahan darah, maka Tagung Minangai telah menerima kumpulan Tagung Megian sebagai sebahagian daripada mereka. Mereka menetap disitu dan menggelarkan diri sebagai Bisingai. Daripada Bung Singai, kumpulan ini kemudiannya telah berpecah dan membuka penempatan baharu seperti Kupo Puot, Kupo Moti, Kupo Daun, Kupo Upar, Kupo Sudoh, Kupo Segong, Kupo Tanjung, Kupo Tapi, Kupo Atas, Kupo Bobak, Kupo Sinibong (Aman, 1989). Tinjauan Low (1848), menyatakan bahawa sebanyak 140 buah keluarga telah menetap di Bung Singai Low (1848). Diketuai oleh Kodiek, kumpulan ini berpindah ke Sungai Butan sebelum ke Bung Bratak dan menggelarkan diri mereka sebagai Dayak Biratak.

Manakala kumpulan kelapan diketuai oleh Undu bermigrasi ke Rabak Binuwa berhampiran Landeh. Setelah beberapa lama menetap di situ, kumpulan ini berpindah ke Ladan di Gunung Gading yang kemudiannya menamakan keseluruhan kawasan tersebut sebagai Undu, iaitu sempena dengan namanya. Setelah itu, ia dikenali dengan nama Lundu (Aman, 1989). Kumpulan ini menamakan diri mereka sebagai Bidayuh Selako/ Rara. Selakau diberi nama sempena dengan nama Sungai Selakau berhampiran Sengkawang di Indonesia. Ia merujuk kepada seseorang yang tinggal di kawasan gunung. Mereka diandaikan bermigrasi ke Sarawak sekitar tahun 1800an iaitu ke hulu Sungai Pasir, kemudian ke Tembang Nyambar dan Sedemak (Kaboy, 1968).

Sementara Barun bermigrasi ke Bung Minangis dan tinggal di kampung dikenali sebagai Kupo Bung Siburan yang terletak di Gunung Siburan. Kumpulan ini mengelarkan diri mereka Baitah (Aman, 1989). Menurut Chang (2001), terdapat beberapa versi yang mengaitkan nama “Baitah”. Versi pertama menyatakan bahawa “Baitah” adalah salah seorang daripada keturunan Tenabi yang tinggal di Kepulauan Borneo yang diberi nama Atah, yang kemudiannya menjadi Baitah. Versi kedua pula menyatakan istilah “Baitah” berasal daripada bahasa Melayu iaitu “entah”. Ketika Sarawak dibawah Kesultanan Brunei, seorang pegawai Melayu daripada Brunei telah datang ke Siburan untuk mencari seseorang yang ditugaskan untuk memungut cukai. Dia bertanya kepada masyarakat Bidayuh, dan mereka menjawab dengan perkataan Melayu “Entah”. Lama-kelamaan, ianya disebut dengan “Baitah”. Manakala versi ketiga ialah menurut Pemanca Kudui anak Suwad. Menurut beliau, suatu ketika dahulu, ketika kumpulan pertama masyarakat Bidayuh melakukan migrasi daripada Rabak Mikabuh ke Gunung Siburan, mereka ternampak batu besar di tapak Kampung Sintah sekarang. Mereka mendengar bunyi daripada batu tersebut yang mendorong untuk memecahkannya. Apabila dipecahkan, mereka melihat sepasang manusia, lelaki dan perempuan di dalamnya, dan menamakan sebagai “Bi Betah” yang bermaksud manusia daripada batu yang pecah. Lama-kelamaan ianya menjadi “Baitah” (Foh, 2001).

### Faktor Migrasi Awal Masyarakat Bidayuh


Penghijrahan masyarakat Bidayuh pada masa dahulu adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor. Misalnya masyarakat Bidayuh pernah menjadi mangsa keganasan, pemburuan kepala dan juga turut dijadikan hamba oleh Melayu Brunei, Iban dan lanun keturunan Illanun dan Balanini. Di bawah pemerintahan masyarakat Melayu tempatan yang digelar Datu Patinggi, Datu Bandar dan Temenggong misalnya, masyarakat Bidayuh dikehendaki menjual barang mereka dengan harga yang ditetapkan oleh pemerintah ini. Sekiranya permintaan tidak mencukupi atau tidak memenuhi kehendak, maka kaum perempuan, kanak-kanak dijual dan dipaksa menjadi hamba (Barring-Gould & Bampfylde, 1989). Justeru, bagi mengelakkan ahli keluarga berterusan menjadi hamba, maka keluarga Bidayuh mengambil pendekatan untuk menyelamatkan diri dengan bermigrasi ke kawasan lain yang lebih selamat.

Tambahan kepada itu, ancaman daripada lanun Lautan Sulu dan kaum yang kuat daripada Sri Aman juga menjadi faktor yang mendorong mereka melakukan migrasi. Serangan daripada orang Iban dan Lanun Melayu umpamanya selalu mengancam keselamatan mereka. Keadaan ini memaksa mereka meninggalkan kawasan tanah pamah dan mendirikan rumah di dataran tinggi. Apabila keadaan semakin pulih dan selamat, terutamanya semasa pemerintahan Brooke, barulah masyarakat ini kembali semula ke kawasan tanah pamah.

Masyarakat Bidayuh juga dikerah tenaga untuk bekerja di kawasan perlombongan antimoni yang ditemui seawal 1820an. Kegiatan perlombongan yang dilakukan dengan skala yang besar bagi tujuan diimport ke Singapura menyebabkan golongan majikan menjadikan masyarakat Bidayuh sebagai sumber tenaga yang dipaksa dan dikerah tenaga. Layanan yang buruk terhadap masyarakat Bidayuh telah menyebabkan ada kalanya mereka memberontak. Pada tahun 1836, masyarakat Bidayuh bergabung dengan masyarakat Melayu tempatan memberontak untuk menentang tuan-tuan besar mereka. Bagi menghadapi pemberontakan ini, Sultan Brunei telah menghantar Raja Muda Hasyim ke Kuching untuk menghapuskan pemberontakan yang berlaku (Zuleify, 1997).

Semasa kunjungan pertama ke Sarawak pada tahun 1939, James Brooke telah mengunjungi kumpulan masyarakat Dayak di Samarahan (Mundy, 2006). James Brooke dilihat sebagai penyelamat kepada masyarakat Bidayuh daripada kezaliman yang menimpa mereka (Beccari, 1904). Sekembali dari Samarahan, James Brooke singgah berhampiran Gunung Gading iaitu di Lundu (John, 1987). Disitu beliau berjumpa dengan Sijugah atau dikenali dengan nama Orang Kaya Tumanggong yang mengetuai kira-kira 50 buah keluarga masyarakat Bidayuh yang berhijrah daripada Sibuyau. Penghijrahan tersebut bagi mengelakkan diri daripada serangan lanun. Walau bagaimanapun James Brooke merasakan bahawa kelompok masyarakat Bidayuh ini masih tidak selamat kerana benteng pertahanan yang tidak kukuh untuk mempertahankan petempatan (Geddes, 1985). Oleh hal yang demikian pemerintahan Brooke dilihat sebagai penyelamat kepada masyarakat Bidayuh daripada terus menerima ancaman luar yang boleh menyebabkan kepupusan mereka sekiranya tidak dibendung dengan lebih awal.

Masyarakat Bidayuh dengan sifat dan keperibadian yang mencintai keamanan hanya memberi tentangan yang minimal, dan seterusnya cenderung untuk bermigrasi bagi mempertahankan diri mereka. Rentetan daripada itu juga, mereka memilih untuk bergerak jauh ke pedalaman, berdekatan dengan puncak gunung dan lereng-lereng bukit yang mana kawasan tersebut lebih menjamin keselamatan dalam jangka masa yang panjang. Lokasi yang menjadi tumpuan untuk mendirikan petempatan bari adalah seperti di Gunung Singai, Gunung Landar, Gunung Jagoi, Gunung Serambu (Bau), Gunung Penrissen, Gunung Siburan (Sintah) dan Tibiah, Ulu Padawan Kuchin dan di kawasan pergunungan di Bahagian Samarahan.



**Rajah 2 Lokasi Masyarakat Bidayuh di Bahagian Kuching**

Sumber: Jabatan Ketua Menteri Sarawak

Berbanding dengan masyarakat Iban, migrasi masyarakat Bidayuh dilihat tidak begitu berleluasa dan berlaku dengan perlakan. Namun, pada masa kini masyarakat Bidayuh cenderung untuk mengekalkan penempatan mereka dan tidak lagi mengalami migrasi sebagaimana pada peringkat awal kewujudan mereka di Kepulauan Borneo. Justeru, kini masyarakat tersebut majoriti menetap di Bahagian Kuching, yang merangkumi Serian, Bau dan Lundu.

## PENUTUP

Migrasi dan petempatan masyarakat Bidayuh bermula daripada 1400-1840 ternyata menjurus ke bahagian pedalaman khususnya ke bahagian hulu atau ke kawasan pergunungan. Masyarakat Bidayuh yang mempunyai ciri mempertahankan diri dilihat tidak dapat menandingi masyarakat Iban yang terkenal dengan amalan pemburuan kepala. Dari aspek yang lain, sifat masyarakat Bidayuh yang dilihat sebagai mencintai kedamaian ternyata mempengaruhi migrasi yang dilakukan oleh mereka. Malah masyarakat ini juga terkenal dengan keperibadian yang lemah lembut, peramah, berterima kasih, berbudi bahasa, jujur, ringkas dan tidak mempunyai sifat-sifat bengis. Masyarakat ini memilih untuk mempertahankan diri dan meninggalkan kawasan yang pada pandangan mereka tidak selamat untuk didiami akibat daripada persengketaan dengan masyarakat lain. Hal ini demikian kerana masyarakat Bidayuh dan keamanan Malah masyarakat ini diandaikan tidak dapat hidup dengan aman disebabkan persekitaran yang memaksa mereka berpindah dari satu tempat ke satu tempat. Walau bagaimanapun, sesuatu yang tidak dapat dinafikan ialah masyarakat ini juga merupakan salah satu daripada masyarakat terawal menetap di Sarawak. Mereka juga adalah dia antara masyarakat terbesar di Sarawak selain masyarakat Iban dan Melayu.

## RUJUKAN

- Aman, M. M. (1989). The origin of Dayak Bidayu or the history of Dayak Bidayuh. *Sarawak Museum Journal XL* (61), 397-406.
- Barring-Gould, S., & Bampfylde, C. A. (1989). *A History of Sarawak under its two Rajah, 1839 - 1908*. Oxford University Press.
- Beccari, O. (1904). *Wandering in the great forest of Borneo*. Archibald Constable.
- Dj, A.-Y. (1993). A typology of migration. *Population Review*, 37, 71-76.
- Elam, E. (1937). Land Dayak of the Sadong District, Sarawak. *Sarawak Museum Journal*, IV(15), 373.
- Foh, C. P. (2001). *History of Bidayuh in Kuching Division Sarawak*. Kuching: Sarawak Press.
- Geddes. (1985). *Nine Dayak nights*. Oxford University Press.
- Hadi, A. S. (1989). *Mobiliti penduduk*. Penerbitan UKM.
- Hewit, J. (1961). The first Land Dayak. *Sarawak Museum Journal X*(17-18), 107-117.
- John, S. S. (1987). *The life of Sir James Brooke of Sarawak*. London: William Blackwood.

- Kaboy, T. (1968). Dayak of Lundu District. *Sarawak Museum Journal, XVI*(32-33), 128-135.
- Low, H. (1848). *Sarawak, its inhabitants and production: Being notes during a residence in that country with His Excellency Mr. Brooke*. Richard Bentley.
- Minos, P. (2000). *The Future of Datak Bidayuh in Malaysia*. Kuching: Lynch Media & Services.
- Mundy, R. (2006). *Narrative of event in Borneo and Celebs, The Journal of James Brooke*. East Sussex: Rediscovery Book.
- Nais, W. (1989). Overview of the Bidayuh culture. *Sarawak Museum Journal XL* (61), 367-369.
- Robert, G. (1949). Descent of Sadong Bidayuh. *Sarawak Museum Journal, V* (1), 88-94.
- Sandin, B. (1978). The living legends: Borneons telling their tales. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stall, R. F. (1940). Folkore of Sadong Dayaks. *Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 55-61.
- Winzeler, R. L. (1993). The Bidayuh of Sarawak: A historical overview with special reference to settlement patterns. *Borneo Research Council Proceeding Series*, (pp. 223-238).
- Zuleifly, Z. A. (1997). *Kuching 1939 - 1970*. Dewan Bahasa Pustaka.